

Apakah itu rasuah?

Rasuah melibatkan perbuatan sama ada menawar, memberi, meminta atau menerima suatu manfaat seperti wang, hadiah, barang berharga, perkhidmatan dan sebagainya sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang ada kaitan dengan bidang tugas seseorang individu tersebut.

Apakah hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan rasuah?

Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah mengikut mana yang tinggi di bawah Seksyen 16 dan 17 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

Apakah penjawat awam boleh menerima hadiah atau cenderahati ?

Hadiah termasuk cenderahati merupakan salah satu bentuk suapan rasuah jika sesuatu hadiah / cenderahati tersebut diberikan atau diterima secara rasuah atau dengan niat rasuah.

Seseorang pegawai awam tidak boleh menerima sebarang hadiah daripada mana-mana pihak sekiranya :

- Penerimaan hadiah itu ada kaitannya dengan tugas rasmi pegawai awam itu ; dan
- bentuk, amaun dan nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah diberikan.

Kesalahan ini dinyatakan dalam Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

Semasa menjalankan tugas rasmi, sekiranya pemberian hadiah sukar ditolak seperti di dalam sebuah majlis, bolehkah penjawat awam menerima hadiah tersebut ?

Boleh terima dan mesti lapor secara bertulis kepada ketua jabatan untuk mendapat kelulusan / kebenaran.

Semasa menjalankan tugas rasmi, kadang-kadang sukar untuk menolak pemberian hadiah kerana mungkin akan memalukan si pemberi. Contohnya, diberi hadiah ketika menghadiri seminar atau ketika menjalankan tugas rasmi di kampung / dusun.

Bagaimanapun, penerimaan hadiah (sukar ditolak) hanya perlu lapor sahaja tanpa perlu kelulusan Ketua Jabatan sekiranya;

- Nilai kurang RM100.00
- Bentuk rencana/barang kraftangan
- Barang-barang mudah rosak seperti buah,sayur, kuih muih dan sebagainya.

Adakah menjadi kesalahan memberi keutamaan kerja kontrak kepada Koperasi?

Boleh tetapi mesti melalui proses tender yang betul dan mengikut syarat-syarat kontrak

Apakah Kelab Sukan dan Kebajikan boleh menerima apa-apa sumbangan berupa barangan atau wang ringgit daripada pihak yang mempunyai hubungan rasmi dengan jabatan?

Kelab Sukan dan Kebajikan tidak boleh meminta / menerima apa-apa sumbangan daripada mana-mana syarikat atau individu yang mempunyai hubungan rasmi dengan jabatan tersebut.

Sejauh mana Unit Integriti boleh dipercayai ?

Unit Integriti ialah suatu unit yang bebas dan melapor terus kepada Jawatan Kuasa Governans Lembaga FELDA dan Lembaga FELDA. Maklumat-maklumat yang diberikan oleh pelapor dirahsiakan dan tidak didedahkan kepada umum.

Adakah Unit Integriti turut berfungsi dalam urusan kenaikan pangkat petugas?

Urusan yang berkaitan dengan kenaikan petugas dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Sumber Manusia. Unit Integriti akan menjalankan fungsinya sekiranya terdapat kes-kes yang melibatkan salahguna kuasa dalam urusan kenaikan pangkat.

Adakah harta persalah akan dirampas atau disita dan apakah yang terjadi kepada harta yang telah dirampas itu?

Harta seseorang penjenayah rasuah boleh dirampas dan dilucuthak sekiranya harta tersebut merupakan hasil daripada kesalahan rasuah di bawah Akta SPRM 2009. Pelucuthakan ini dibuat melalui perintah mahkamah.

Pelucuthakan harta dibuat melalui dua kaedah iaitu:

- Sekiranya tertuduh didakwa di mahkamah, maka harta dilucuthak melalui peruntukan di bawah seksyen 40(1) Akta SPRM 2009.
- Sekiranya tiada pendakwaan ke atas seseorang tertuduh, maka pelucuthakan masih boleh dibuat melalui permohonan Timbalan Pendakwa Raya kepada mahkamah sebelum tamat tempoh 18 bulan daripada tarikh harta itu disita. Peruntukan adalah di bawah seksyen 41(1) Akta SPRM 2009.

Apakah cara melapor perbuatan rasuah?

Prosedur melakukan laporan ialah:

- Datang terus ke Pejabat Unit Integriti FELDA; atau
- Secara bertulis dan dihantar sama ada dengan tangan, pos atau emel ke alamat berikut:
 - a) Pengerusi Jawatankuasa Governans Lembaga Tingkat 49, Menara FELDA Platinum Park, No. 11 Persiaran KLCC 50088 Kuala Lumpur
 - b) Ketua Unit Integriti Tingkat 34, Menara FELDA Platinum Park, No. 11 Persiaran KLCC 50088 Kuala Lumpur
 - c) whistleblowingfelda@felda.net.my
 - d) Telefon terus ke 03-2191 2214